

Naza beri kediaman suite, kereta kepada pemenang emas Paralimpik Rio

KUALA LUMPUR: Tiga atlet paralimpik Malaysia yang meraih pingat emas pada Sukan Paralimpik 2016 di Rio akan menerima ganjaran, masing-masing seunit kediaman suite dan kenderaan SUV serba baharu, Kia Sportage.

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Naza Corporation Holdings SM Nasarudin SM Nasimuddin berkata kediaman suite

yang dihadiahkan kepada Mohamad Ridzuan Mohd Puzi, Muhammad Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly itu adalah Trion 888 di Equine Park.

Kediaman itu, yang dibangunkan oleh bahagian hartanah Naza Corporation Holdings, iaitu Naza TTDI Sdn Bhd berharga RM350,000 seunit. Ia berkeluasan 450 kaki persegi dan mempunyai kemudahan lengkap

seperti kolam renang, bilik serbaguna, gimnasium, bilik persalinan, lif, kemudahan dobi dan surau.

Projek tersebut dijangka siap pada akhir 2017.

Sementara, kenderaan SUV Kia Sportage berharga RM121,888 sebuah, dengan jaminan lima tahun tanpa had perbatuan.

SM Nasarudin yang juga Presiden Majlis

Paralimpik Malaysia dan kini berada di Rio, berkata pencapaian tiga atlet tersebut bukan sahaja memberi inspirasi kepada atlet lain, namun kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Atlet paralimpik Malaysia telah menunjukkan kemampuan mereka walaupun berdepan banyak kesukaran. Ini menunjukkan bahawa Malaysia Boleh!," katanya. -Bernama